

PLAGIARISME: PERSEPSI DAN AMALAN SISWA GURU

SUKIMAN SAAD, ZAHIDI KHAMIS, MD NOR HASSAN KAMSIAR, NOR ZAWATI ZAINAL,
SUZILA AZIZ
IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat
sukiman.saad@iptho.edu.my

ABSTRAK

Plagiarisme merupakan salah satu kecurangan akademik dalam kalangan pelajar di peringkat pengajian tinggi. Kesedaran terhadap salah laku ini perlu diterapkan dalam kalangan siswa guru bagi melahirkan generasi akademik yang berintegriti khususnya dalam penghasilan mutu kerja dan penyebaran ilmu. Oleh itu, kajian ini penting untuk meninjau persepsi dan amalan yang dianggap sebagai plagiarisme. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kekerapan siswa guru melakukan amalan yang dianggap sebagai plagiarisme dan mengenalpasti anggapan pelajar tentang amalan plagiat. Data dianalisis secara kuantitatif melibatkan 189 orang responden daripada Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dari Institut Pendidikan Guru (IPG). Berdasarkan kajian, min persepsi responden terhadap amalan plagiat ialah 3.41, SP 0.61 berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati bahawa Min Kekerapan siswa guru melakukan plagiat adalah 1.31, SP 0.88 berada pada tahap rendah.

Kata Kunci: Plagiarisme, integriti, persepsi

1.0 PENGENALAN

Dunia pendidikan global hari ini menghadapi cabaran yang besar dengan penyebaran ilmu dunia tanpa sempadan. Integriti dalam akademik sangat penting kerana ia merupakan tunjang kepada sistem pendidikan negara. Isu yang melibatkan ketidakjujuran akademik atau sinonimnya plagiarisme menunjukkan trend peningkatan dan perlu diberi perhatian serius (Ramlan Mustapha et.al, 2016).

Ketidakjujuran akademik akademik menjadi isu yang semakin mencabar institusi akademik (Teixeira & Rocha, 2010) serta menyukarkan institusi akademik untuk mencapai matlamat akademik (Jurdi et.al 2011). Kajian berkaitan plagiarisme adalah amat penting dalam memastikan integriti dalam penghasilan penulisan dan penyebaran maklumat akademik oleh siswa guru. Pada zaman kini, dunia akademik juga berkembang seiring dengan perkembangan teknologi membolehkan maklumat mudah diakses dan diperolehi di hujung jari. Ahli akademik sama ada siswa guru atau pensyarah akademik terdedah untuk melakukan plagiarisme apabila mengambil sumber dari internet atau laman maya.

Kajian terhadap mahasiswa di Malaysia menunjukkan wujudnya kisu ketidakjujuran akademik. Kajian Nurshiha dan Nurliyana (2013) mendapati 82% mahasiswa UiTM pernah melakukan ketidakjujuran akademik. Bagi pelajar, kesedaran tentang plagiat ini perlu ada supaya mereka sedar kesalahan ini serius dalam dunia akademik. Siswa guru perlu bersifat bertanggungjawab dalam menghasilkan, prihatin dan jujur dalam menyiapkan tugas. Arieff Salleh Rosman (2008), menyatakan bahawa kajian untuk meninjau kefahaman pelajar terhadap tingkah laku yang dikatakan sebagai plagiat perlu dilaksanakan.

Berdasarkan isu yang dinyatakan ini, penyelidikan perlu dilakukan untuk meneroka isu ini. Langkah-langkah alternatif boleh diambil untuk melaksanakan penambahbaikan bagi mengekang isu ini bagi memastikan maruah pendidikan negara dan integriti akademik dapat dijaga dan diwarisi dengan baik oleh generasi akan datang.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Plagiat merupakan satu isu yang menjadi kebimbangan dalam dunia pendidikan hari ini. Ahli akademik sama ada pensyarah atau pelajar mempunyai kebarangkalian untuk terlibat dalam plagiarisme kerana ia boleh berlaku sama ada sengaja atau tidak (Eng, 1995). Tingah laku plagiat menjadi kebiasaan ketidakjujuran akademik ataupun meniplak hasil kerja orang lain berlaku di institusi pengajian tinggi pada masa kini (Ramlan Mustafa, 2016).

Perbuatan memplagiat ini telah memberi banyak impak yang besar terhadap pembelajaran mahasiswa dan perlu di kekang. Budaya ini menjadi isu dalam kalangan mahasiswa dan dianggap sebagai parasit (Aida Ruzana Mohamad Zaki & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2019).

Salah satu faktor yang dijangka dapat mengurangkan tingkahlaku plagiat ialah pemberian maklumat namun faktor ini jarang diketengahkan. Pemberian maklumat tentang salah laku terutamanya plagiat amat diperlukan untuk membanteras kegiatan ini (Aida Ruzana Mohamad Zaki & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2019). Kajian Norsiha dan Nurliyana (2013) mendapati bahawa 82% pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia pernah terlibat dengan ketidakjujuran akademik.

Berdasarkan sorotan kajian lalu, ketidakjujuran akademik berlaku di institusi pengajian tinggi dan perlu dikaji bagi melihat persepsi dan tahap kekerapan amalan plagiarisme di IPG.

3.0 Objektif Kajian

- 3.1 mengenalpasti persepsi siswa guru terhadap amalan yang dianggap sebagai plagiarisme.
- 3.2 mengenalpasti tahap kekerapan amalan plagiarisme siswa guru
- 3.3 melihat sama ada perbezaan persepsi siswa guru PISMP dan PPISMP terhadap amalan plagiarisme
- 3.4 Melihat sama ada perbezaan tahap kekerapan amalan plagiarisme siswa guru PISMP dan PPISMP

4.0 PERSOALAN KAJIAN

- 4.1 Apakah persepsi siswa guru terhadap amalan plagiarisme?
- 4.2 Apakah tahap kekerapan amalan plagiarisme siswa guru?
- 4.3 Adakah terdapat perbezaan persepsi antara siswa guru PISMP dan PPISMP terhadap amalan plagiarisme?
- 4.4 Adakah terdapat perbezaan tahap kekerapan amalan plagiarisme antara siswa guru PISMP dan PPISMP?

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Berdasarkan perkembangan akademik semasa, terdapat banyak isu yang dikaitkan dengan ketidakjujuran akademik yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan perlakuan pelajar-pelajar yang terbabit secara khusus dengan akademik. Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini menunjukkan nisbah yang sangat tinggi iaitu seperti Norsiha dan Nurliyana (2013) menyatakan 80% pelajar di Malaysia melakukan ketidakjujuran akademik. Isu ini boleh menjadi isu yang sangat besar dan mencabar integriti dan kualiti sesuatu institusi.

Adakah kualiti yang disediakan oleh sesebuah institusi pendidikan guru itu tidak memberi apa-apa kesan kepada nilai integriti akademik dan nilai moral yang berupaya mengekang isu ini? bagi mewujudkan sistem pendidikan negara yang lebih baik dan berprestasi tinggi, pembangunan etika, moral dan integriti akaemik perlulah dititikberatkan kerana ini menjadi indikator dan petunjuk pembangunan sesebuah sistem pendidikan. Apatah lagi IPG merupakan sebuah institusi yang melahirkan guru yang merupakan tonggak kepada pembangunan pendidikan negara.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tinjauan melibatkan sampel dalam kalangan siswa guru PPISMP (semester 2) dan PISMP (Semester 3). Sampel terdiri daripada siswa guru pelbagai opsyen di sebuah Institut Pendidikan Guru Kampus yang terlibat dalam pelaksanaan pentaksiran alternatif bagi Pentaksiran Akhir Jun 2022. Tinjauan dilaksanakan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini mempunyai 2 dimensi iaitu persepsi siswa guru terhadap amalan plagiarisme dan tahap kekerapan melakukan plagiarisme. Tafsiran skor min dianalisis berdasarkan Jadual Tafsiran Skor Najib (2003) menggunakan 3 tahap skor min.

Jadual 1: Tafsiran Skor Min

Skor Min	Tahap
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Najib (2003)

7.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 2: Persepsi Responden Terhadap Amalan Plagiat

No. Item	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	SP	Interpretasi Min
1	Plagiat merupakan ketidakjujuran akademik	1 (0.53)	2 (1.06)	6 (3.17)	42 (22.22)	138 (73.02)	4.66	0.65	Tinggi
2	Plagiat merupakan satu perbuatan yang bercanggah dengan nilai	0 (0.00)	1 (0.53)	10 (5.29)	47 (24.87)	131 (69.31)	4.63	0.61	Tinggi
3	Kesalahan plagiat dipandang ringan oleh pelajar	16 (8.47)	25 (13.23)	48 (25.40)	65 (34.39)	35 (18.52)	3.41	1.18	Sederhana
4	Plagiat berlaku kerana tidak cukup masa untuk menyiapkan tugas akibat sikap bertanggung	2 (1.06)	11 (5.82)	39 (20.63)	75 (39.68)	62 (32.80)	3.97	0.93	Tinggi
5	Plagiat boleh dicegah dengan penggunaan perisian anti plagiat	4 (2.12)	5 (2.65)	22 (11.64)	59 (31.22)	99 (52.38)	4.29	0.93	Tinggi
6	Pelajar yang melakukan plagiarisme perlu dikenakan hukuman tatatertib	3 (1.59)	14 (7.41)	30 (15.87)	82 (43.39)	60 (31.75)	3.96	0.96	Tinggi
KESELURUHAN							3.41	0.61	Sederhana

Berdasarkan Jadual 2, Min keseluruhan bagi persepsi responden terhadap amalan plagiat ialah 3.41, SP 0.61 berada pada tahap sederhana. Analisis berdasarkan item menunjukkan interpretasi min berada pada tahap tinggi kecuali bagi item 3 (Kesalahan plagiat dipandang ringan oleh pelajar) dengan min 3.41, SP 1.18 . 8.47% responden Sangat Tidak Setuju (STS)

dan 13.2% Tidak bersetuju (TS) dengan pernyataan Kesalahan plagiat dipandang ringan oleh pelajar. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran terhadap kesalahan amalan plagiat.

Jadual 3: Kekerapan Melakukan Perkara-perkara Berkaitan Dengan Kelakuan Yang Dianggap Sebagai Plagiat

No. Item	Item	Tidak Pernah	Sekali	Sekali sekala	Beberapa kali	Banyak kali	Min	SP	Interpretasi Min
1	meniru/menyalin dan menyerahkan kerja/tugasan orang lain tanpa penghargaan atau menyatakan sumbernya.	104 (55.03)	36 (19.05)	38 (20.11)	5 (2.65)	6 (3.17)	1.80	1.05	Rendah
2	mengungkapkan semula ayat, perenggan atau tema yang maknanya sama, tanpa memberi penghargaan atau menyatakan sumbernya	89 (47.09)	45 (23.81)	40 (21.16)	7 (3.70)	8 (4.23)	1.94	1.10	Rendah
3	menterjemahkan kerja orang lain tanpa memberi penghargaan	111 (58.73)	35 (18.52)	31 (16.40)	6 (3.17)	6 (3.17)	1.74	1.05	Rendah
4	mengemukakan sesuatu kerja penghasilan orang lain (misalnya, membenarkan dan mengupah seseorang membuat sesuatu tugas yang kemudiannya diperakui sebagai miliknya sendiri.	161 (85.19)	13 (6.88)	5 (2.65)	4 (2.12)	6 (3.17)	1.31	0.88	Rendah
5	menyerahkan keseluruhan atau sebahagian daripada tugas kepada orang lain. Contohnya, pelajar meminta orang lain menganalisis data, menulis analisis ataupun menjalankan projek.	156 (82.54)	14 (7.41)	9 (4.76)	4 (2.12)	6 (3.17)	1.36	0.92	Rendah
6	menyerahkan semula tugas sendiri yang telah dinilai atau diterbitkan tanpa membuat penghargaan sewajarnya.	146 (77.25)	24 (12.70)	8 (4.23)	5 (2.65)	6 (3.17)	1.42	0.93	Rendah
7	pemalsuan sumbangan individu dalam kalangan ahli-ahli yang berkolaborasi dalam projek berkumpulan	149 (78.84)	22 (11.64)	8 (4.23)	5 (2.65)	5 (2.65)	1.39	0.90	Rendah

8	fabrikasi (mengadadakan) data atau memanipulasi data (mengubah data) di dalam tugas yang diserahkan	137 (72.49)	31 (16.40)	10 (5.29)	7 (3.70)	4 (2.12)	1.47	0.91	Rendah
9	Mengubah suai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas anda	136 (71.96)	29 (15.34)	17 (8.99)	1 (0.53)	6 (3.17)	1.48	0.92	Rendah
10	Meniru maklumat daripada pelajar lain ketika peperiksaan atau ujian	147 (77.78)	20 (10.58)	12 (6.35)	5 (2.65)	5 (2.65)	1.42	0.92	Rendah
11	Membantu rakan lain untuk meniru dalam peperiksaan atau ujian	137 (72.49)	29 (15.34)	13 (6.88)	6 (3.17)	4 (2.12)	1.47	0.91	Rendah
KESELURUHAN							1.31	0.88	Rendah

Berdasarkan Jadual 3, Min keseluruhan bagi maklum balas responden terhadap kekerapan melakukan perkara-perkara berkaitan dengan kelakuan yang dianggap sebagai plagiat ialah 1.31, SP 0.88 berada pada tahap rendah. Analisis berdasarkan item juga menunjukkan interpretasi min berada pada tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesalahan plagiat yang berlaku dalam kalangan siswa guru adalah rendah. Bagaimanapun, analisis menunjukkan masih wujud kelakuan yang dianggap sebagai plagiat. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan data dimana peratus tidak pernah belum mencapai 100%.

Jadual 4: Perbezaan Persepsi PPISMP dan PISMP

Bil.	Program	Min	SP	Interpretasi Min
1.	PISMP	3.52	0.65	Tinggi
2.	PPISMP	3.36	0.59	Tinggi

Bedasarkan Jadual 4, min amalan bagi PISMP ialah 3.52, SP 0.65. manakala min bagi PPISMP ialah 3.56, SP 0.59. Dapatan menunjukkan tidak wujud perbezaan persepsi bagi Siswa Guru PPISMP dan PISMP dengan Interpretasi Min keseluruhan kedua-duanya berada pada tahap Tinggi

Jadual 5: Perbezaan Amalan PPISMP dan PISMP

Bil.	Program	Min	SP	Interpretasi Min
1.	PISMP	1.47	0.95	Rendah
2.	PPISMP	1.26	0.81	Rendah

Bedasarkan Jadual 5, min amalan bagi PISMP ialah 1.47, SP 0.95. manakala min bagi PPISMP ialah 1.26, SP 0.81. Dapatan menunjukkan tidak wujud perbezaan amalan bagi Siswa Guru PPISMP dan PISMP dengan Interpretasi min keseluruhan kedua-duanya berada pada tahap rendah.

8.0 RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Siswa Guru mempunyai kesedaran dan kefahaman terhadap plagiarisme. Bagaimanapun, masih wujud tingkah laku yang dianggap sebagai plagiarisme. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Ramlan Mustafa (2016) yang mendapati tingkah laku plagiat menjadi kebiasaan ketidakjujuran akademik ataupun menciplak hasil kerja orang lain berlaku di institusi pengajian tinggi kini. Dapatan juga selari dengan kajian (Norsiha & Nurliyana, 2013) yang mendapati bahawa pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia pernah terlibat dengan ketidakjujuran akademik.

Dapatan menunjukkan tidak wujud perbezaan persepsi dan amalan bagi Siswa Guru PPISMP dan PISMP. Budaya plagiat ini perlu diatasi walaupun masih pada tahap yang rendah kerana ia boleh menjadi parasit dan memberi impak yang besar terhadap pembelajaran pelajar (Aida Ruzana Mohamad Zaki & Noor Raudhiah Abu Bakar, 2019). Bagi menghasilkan penulisan akademik yang asli, kesedaran integriti yang tinggi perlu diterapkan dalam kalangan pelajar (Ramlan Mustapha et.al, 2016; Noraini Talib, 2016). Perisian akademik yang boleh mengesan indeks kesamaan bagi penulisan akademik juga diperlukan bagi mendidik dan melatih pelajar menghasilkan penulisan akademik yang berkualiti (Noraini Talib, 2016). Ini adalah asas bagi memastikan integriti pembelajaran pelajar dan reputasi Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dari segi standard akademik dan kualiti graduan (Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar, 2013). Dasar Akademik IPG KPM 2018 telah menyatakan kepentingan pencegahan plagiarisme dalam amalan pentaksiran dan penilaian (Garis Panduan Pencegahan Plagiarisme Institut Pendidikan Guru (2021).

RUJUKAN

- Aida Ruzana Mohamad Zaki & Noor Raudhiah Abu Bakar (2019). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Tingkah Laku Plagiat dalam Kalangan Pelajar. *Proceeding of the 6th International Conference on Management and Muamalah 2019 (ICoMM 2019)*
- Arief Salleh Rosman, Ahmad Mahyuddin Hassan, Azmi Shah Suratman, M. NasirRipin, & Nurazmallail Marni.(2008). Persepsi pelajar Universiti Teknologi Malaysia terhadap plagiarism. *Jurnal Teknologi UTM,48(E)*,pp. 1-14.
- Eng, Allan. 1995. *Factors Influencing Inadvertent Plagiarism of Sentences*. Master Thesis. University of Toronto.
- IPGM (2021). *Garis Panduan Pencegahan Plagiarisme Institut Pendidikan Guru*.
- Jurdi. H, Hage, H.S, & Chow, P.H.(2011). Academic dishonesty in the Canadian classroom: Behaviour of a sample of university student. *Canadian Journal of Higher Education,41(3)*, 1-35.
- Malaysian Qualifications Agency (2013). *Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar*
- Mohd Najib Abd. Ghafar (2003). *Rekabentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia

- Mustapha, R., Hussin, Z., & Siraj, S. (2016). Ketidakjujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa Muslimdi Malaysia: Analisis Perbandingan Tahun 2014-2015. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik Januari 2016*, Bil.4, Isu 1.
- Mustapha, R., Hussin, Z., & Siraj, S. (2017). Analisis Faktor Penyebab Ketidakjujuran Akademik dalam Kalangan Mahasiswa: Aplikasi Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 1–18. Retrieved from [umijms.um.edu.my/filebank/published_article/11349/\(1-18\)ANALISIS FAKTOR PENYEBAB.pdf](http://umijms.um.edu.my/filebank/published_article/11349/(1-18)ANALISIS_FAKTOR_PENYEBAB.pdf)
- Nursiha Saidin, Nurliyana Isa.(2013). Investigating academic dishonesty among language teacher trainees: The why and how of cheating.*Procedia-Social and Behavioral Sciences*,90, 522-529.
- Talib, N. Yassin S. F. M., & Nasir, M. k. m. (2016). Mengkaji pentaksiran pengaturcaraan komputerberdasarkan penyelesaian masalah kreatif menggunakan “grounded theory”. *Journal of Advanced Research in Social and Behaviour Sciences*, 5(1), 25-38. Diperoleh daripada http://www.akademiabaru.com/doc/ARSBSV5_N1_P25_38.pdf